



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

12hb Mac 2015

TAMBAHAN

No. 6

No. 1

No. 308.

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

PELANTIKAN MENTERI BESAR DI BAWAH FASAL 10

Menurut peruntukan Fasal 10 syarat (1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan limpah kurnia Baginda, telah berkenan melantik dengan Surat Tauliah di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Besar, Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman menjadi Menteri Besar bagi Negeri Terengganu mulai 12 Mei 2014.

Dan menurut Fasal 14 Syarat (2)(a) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah berkenan melantik Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.

[MB. TR. (S) 4/1964; S.T. (S) 20/7/3 Jld. 1;
PUN. Tr. (S) 15/2/(23)]

ZULKIFLI BIN ALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

اوندغ-اوندغ باكي ديري كراجان ترغكانو
(باب يغيرتام)

قلانتيفكن منتري بسر دباوه فصل 10

منوروت فراونتوقن فصل 10 شرط (1) اوندغ-اوندغ باكي ديري كراجان ترغكانو (باب يغيرتام)، دولي يغمها مليا سلطان، دغن ليمقه كورنيا بگيندا، تله بركنن ملانتيف دغن سورة توليه دباوه تنداتاغن بگيندا دان موهور نكري، داتوء حاج احمد رازيف بن عبدالرحمن، منجادي منتري بسر نكري ترغكانو، مولاوي 12 مي 2014.

دان منوروت فصل 14 شرط (a)(2) اوندغ-اوندغ باكي ديري كراجان ترغكانو (باب يغيرتام)، دولي يغمها مليا سلطان، تله بركنن ملانتيف داتوء حاج احمد رازيف بن عبدالرحمن ممقغروسين مجلس مشوارت كراجان نكري ترغكانو.

[MB.TR.(S) 4/1964; S.T. (S) 20/7/3 Jld. 1;
PUN.Tr. (S) 15/2 (23)]

ذوالكفلي بن علي
ستياءوسها
مجلس مشوارت كراجان نكري
ترغكانو

LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU
(FIRST PART)

APPOINTMENT OF MENTERI BESAR UNDER ARTICLE X

In accordance with the provisions Article X of Clause (1) of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), His Royal Highness the Sultan has been graciously pleased to appoint by Instrument under His Sign Manual and State Seal, Dato' Ahmad Razif bin Abd. Rahman, to be the Menteri Besar of Terengganu, with effect from 12 May 2014.

And by virtue of Article XIV of Clause (2)(a) of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), His Royal Highness the Sultan has been pleased to appoint Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman to preside over the State Executive Council of Terengganu.

[MB. TR. (S) 4/1964; S.T.(S) 20/7/3/Jld. 1;
PUN. Tr. (S) 15/2 (23)]

ZULKIFLI BIN ALI
*Secretary of the State Executive
Council of Terengganu*

No. 309.

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SURAT TAULIAH

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA)

PELANTIKAN MENTERI BESAR
DI BAWAH FASAL 10



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
Sultan Terengganu

AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya.

Kepada Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman yang Beta harap, percaya dan kasihi dengan selamat kesejahteraannya.

BAHAWASANYA Fasal 10 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) maka telah ditetapkan bahawa pelantikan Menteri Besar bagi Negeri Terengganu Darul Iman hendaklah dengan surat tauliah yang ditandatangani dan di Meterai oleh Beta dengan Mohor Kerajaan.

MAKA KETAHUILAH BAHAWA BETA DENGAN INI MELANTIK Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman menjadi MENTERI BESAR bagi Negeri Terengganu Darul Iman mulai daripada tarikh yang teresbut di bawah ini dengan mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa yang bersangkutan dan berkaitan dengan jawatan itu menurut undang-undang di seluruh Negeri Terengganu Darul Iman.

DAN BETA dengan ini menitahkan bahawa sekalian Pegawai-pegawai dan rakyat Beta yang dikasihi dalam Negeri Terengganu Darul Iman mahupun beramai-ramai dan berseorangan dan jua mana-mana orang lain yang berkenaan mengambil peringatan dan taat akan titah ini.

Termaktub di Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu pada 12 haribulan Rejab 1435 hijrah Annabiu Sollallahu Alaihi Wassalam bersamaan dengan 12 haribulan Mei 2014 masihi.

[MB. TR. (SULIT) 4/1964; S.T. (S) 20/7/3/ Jld. 1]

كراجان نكري ترغكانو دارالاعيمان

سورة توليه

اوندغ- اوندغ باكي ديرى كراجان ترغكانو

(باب يغفرتام)

فلانتيقن منترى بسر

دباوه فصل 10

سلطان ميزان زين العابدين

سلطان ترغكانو

موهور
نكري

الواثق بالله بيت سلطان ميزان زين العابدين، درجه اوتام قرابة ترغكانو
يغامت مليا (D.K.T.)، درجه قرابة دراج ترغكانو يغامت مليا (D.K.R.)،
درجه قرابة ترغكانو يغامة مليا (D.K.)، درجه يغمها اوتام قرابة دراج

مليسيا (D.K.M.)، درجه اوتام سري مهكوتا نكارا (D.M.N.)، درجه سري اوتام سلطان ميزان زين العابدين ترغكانو يغامت ترفياليه (S.U.M.Z.)، درجه سري ستيا سلطان محمود ترغكانو يغامت ترفوجي (S.S.M.T.)، درجه سري فادوكا مهكوتا ترغكانو يغامت دحرمي (S.P.M.T.)، درجه قرابة بكيندا سيد فترا فرليس (D.K.(Perlis))، درجه قرابة جوهور يغامت دحرمي (D.K.(Johor))، درجه قرابة مهكوتا بروني (D.K.M.B.(Brunei))، درجه قرابة يغامت دحرمي فيرق (D.K.(Perak))، درجه قرابة نكري سميلن يغامت دحرمي (D.K.(Negeri Sembilan))، درجه قرابة يغامت دحرمي قدح (D.K.(Kedah))، درجه قرابة يغامت دحرمي كلنتن (D.K.(Kelantan))، درجه قرابة سلاغور يغامت دحرمي (D.K.(Selangor))، درجه سري فدوكا مهكوتا جوهور (S.P.M.J.)، ابن المرحوم سلطان محمود المكتفي بالله شاه، سلطان دان

يغدفتوان باكي نكري ترغكانو دارالايمن سرتا سكالاجاهن
تعلقش.

كفد داتوء حاج احمد رازيف بن عبدالرحمن يغب بيت هارف،

فرچاي دان كاسيهي دغن سلامة كسجهترأنش.

بهاواسش فصل 10 اوندغ-اوندغ باكي ديري كراجان ترغكانو

(باب يغبترتام) مك تله دنتنكن بهاوا فلانتيقن منتري بسر باكي نكري

ترغكانو دارالايمن هندقله دغن سورة توليه يغبندتاتغني دان دمتراي

اوليه بيت دغن موهور كراجان.

مك كتهويله بهاوا بيت دغن اين ملانتيق داتوء حاج احمد رازيف

بن عبدالرحمن منجادي منتري بسر باكي نكري ترغكانو دارالايمن

مولاي درقد تاريخ يغبترسيوت دباوه اين دغن ممقوپاءاي حق-حق دان

كواس-كواس يغبرسغكوة دان بركاءيتن دغن جواتن ايت منوروت
اوندغ-اوندغ دسلوروه نكري ترغكانو دارالاعيمان.

دان بيت دغن اين منيتهكن بهاوا سكلين فكاوي-فكاوي دان
رعت بيت يكدكاسيهي دالم نكري ترغكانو دارالاعيمان ماهو فون
برامي-برامي دان برسماورغن دان جوا مان-مان اورغ لاءين
يغبركناان مغمبيل فرايغائن دان طاعة اكن تيته اين.


ترمكتوب داستان شرقيه، كوالا ترغكانو قد 12 هاريبولن رجب 1435
هجره النبي صل الله عليه وسلم، برسماان دغن 12 هاريبولن مي 2014
مسيحي.

[MB.TR.(SULIT) 4/1964; S.T.(S) 20/7/3 Jld. 1]

GOVERNMENT OF THE STATE OF TERENGGANU DARUL IMAN
INSTRUMENT APPOINTING

THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU
(FIRST PART)

APPOINTMENT OF MENTERI BESAR
UNDER (ARTICLE X)



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
Sultan of Terengganu

FROM US BY THE GRACE OF GOD, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN
MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat
Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.),
Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha
Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara

(D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. (Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. (Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. (Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K. (Perak)), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. (Negeri Sembilan)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. (Kedah)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. (Kelantan)), Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K. (Selangor)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies.

To Our Trusty and well-beloved Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman Greeting.

WHEREAS by the provisions of Article X of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part), it is provided that the appointment of a Menteri Besar of Terengganu shall be made by Instrument under Our Sign Manual and the State Seal.

NOW BE IT KNOWN THAT WE HEREBY APPOINT Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman to be MENTERI BESAR in the State of Terengganu with effect from the date mentioned hereunder with all rights and powers belonging and pertaining to the said office under the Laws throughout the State of Terengganu Darul Iman.

AND WE do hereby command that all and singular Our Officers and beloved subjects in the State of Terengganu and all others whom it may concern to take due notice hereof.

GIVEN at Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu this 12 Rejab 1435, of the Annum of Hijrah of the prophet (on whom be benediction and peace of God) corresponding to 12 May 2014 for the Annum Domini.

[MB. TR (SULIT) 4/1964; S.T. (S) 20/7/3 Jld. 1

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA